



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH SIKAP DAN PERTIMBANGAN
PROFESIONAL GURU TERHADAP AMALAN
PENTAKSIRAN FORMATIF DALAM
KALANGAN GURU SAINS
SEKOLAH MENENGAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI HAFIDAH BINTI MD HAMAMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENGARUH SIKAP DAN PERTIMBANGAN PROFESIONAL GURU
TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN FORMATIF DALAM
KALANGAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH**

SITI HAFIDAH BINTI MD HAMAMI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



UPS/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada06.....(hari bulan).....02..... (bulan) 20.....24

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI HAFIDAH BINTI MD HAMAMI/M20211000346/FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH SIKAP DAN PERTIMBANGAN PROFESIONAL GURU TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN FORMATIF DALAM KALANGAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NOR HASNIDA BINTI CHE MD GHAZALI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH SIKAP DAN PERTIMBANGAN PROFESIONAL GURU TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN FORMATIF DALAM KALANGAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGUKURAN DAN PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

06.02.2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia
DR. NORHASNIDA CHE MD GHAZALI
Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH SIKAP DAN PERTIMBANGAN PROFESIONAL GURU TERHADAP
AMALAN PENTAKSIRAN FORMATIF DALAM KALANGAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: M20211000346

Saya / I: SITI HAFIDAH BINTI MD HAMAMI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsis Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 06.02.2024


(Tandatangan Penyalia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
DR. NORHASNIDA CHE MD GHAZALI

Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dalam kesempatan ini , saya ingin menyampaikan rasa syukur alhamdulillah atas keizinanNya , kajian saya dapat dijalankan dengan baik dan disertasi saya telah lengkap sepenuhnya. Setiap perjalanan saya dalam pengajian ini tidak akan berjaya dan lengkap tanpa sokongan dan bimbingan pelbagai pihak yang dekat mahupun jauh. Sejurnya, kajian yang telah dijalankan ini , proses menyiapkan disertasi lengkap memerlukan kerjasama daripada diri saya sendiri dan sokongan insan di sekeliling saya.

Terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya Dr. Nor Hasnida Binti Che Md Ghazali, atas bimbingannya dan sokongan motivasi serta doanya dalam menyelesaikan pengajian saya dan menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Syukur dan terima kasih kepada insan-insan yang disayangi dalam sentiasa memberikan sokongan tanpa jemu dan doa yang berterusan kepada saya sepanjang pengajian ini. Insan-insan tersebut adalah ibu saya, Siti Aishah Binti Sarmin, suami saya Nazatul Azuwam Bin Mohd Nazari dan anak-anak saya.

Jutaan terima kasih atas kerjasama yang sangat baik diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana dan Institut Pengajian Siswazah , Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam memberikan ruang dan peluang ketika saya menjalankan kajian bagi memperoleh data dan melaksanakan kajian dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seangkatan yang sentiasa tidak putus membantu, berkongsi dan mencetuskan semangat sepanjang dalam menyiapkan disertasi ini. Didoakan agar Allah swt sentiasa merahmati dan memberkati mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian saya dan penulisan disertasi saya.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap sikap dan pertimbangan profesional guru dalam amalan pentaksiran formatif di kalangan guru. Hubungan antara sikap dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif guru dan peramal terbaik di antara sikap dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif guru juga dikenalpasti. Kajian ini berbentuk kuantitatif tinjauan keratan rentas melibatkan 226 orang responden terdiri dari guru yang mengajar Sains di sekolah menengah harian di daerah Petaling di bawah Pejabat Pendidikan Petaling Perdana, Selangor. Teknik pensampelan rawak berkelompok berperingkat digunakan dalam pengumpulan data. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian daripada adaptasi tiga instrumen kajian lepas yang mempunyai nilai kebolehpercayaan pekali Alfanya melebihi 0.60. Data telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian ini menunjukkan skor min bagi sikap guru ($M=3.94$, $SP=0.59$), pertimbangan profesional guru ($M=3.96$, $SP=0.58$), amalan pentaksiran formatif guru ($M=4.14$, $SP=0.548$) masing-masing berada pada tahap tinggi. Hubungan antara sikap dan amalan pentaksiran formatif guru adalah sederhana kuat dan signifikan ($r=0.597$, $p<0.05$). Manakala, hubungan antara pertimbangan profesional dan amalan pentaksiran formatif guru adalah kuat dan signifikan ($r=0.80$, $p<0.05$). Hubungan sikap dan pertimbangan profesional guru pula adalah sederhana kuat dan signifikan ($r=0.680$, $p<0.05$). Bagi pengaruh gabungan sikap dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif guru adalah kuat dan signifikan ($R=0.803$, $F=202.94$, $p<0.05$). Sikap guru mampu meramalkan amalan pentaksiran formatif guru ($\beta=0.098$, $p<0.05$) dan pertimbangan profesional guru mampu meramalkan amalan pentaksiran formatif guru ($\beta=0.733$, $p>0.05$). Kesimpulannya peramal terbaik adalah pertimbangan profesional guru. Implikasi kajian ini memperlihatkan bahawa pihak yang terlibat perlu memberikan penekanan dan penerapan motivasi guru melalui penyediaan bengkel dan latihan dalam membimbing guru memahami lebih mendalam terhadap elemen-elemen dalam pertimbangan profesional guru. Ini adalah penting bagi mengoptimumkan keupayaan guru mentaksir pembelajaran murid.

THE INFLUENCE OF SCIENCE TEACHERS' ATTITUDES AND PROFESIONAL JUDGEMENT TOWARDS FORMATIVE ASSESSMENT PRACTICES IN SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the level of attitude and professional judgment of teachers in formative assessment practices among teachers. The relationship between the teacher's professional attitude and consideration of the teacher's formative assessment practices and the best predictor between the teacher's attitude and professional judgment among formative assessment practices also identified. The study was quantitative (cross-sectional survey) involving 226 Science teachers in daily secondary schools under Petaling Perdana Education Office, Selangor. The clustered random sampling technique is used in data collection. The questionnaire instrument in the study was from the adaptation of past studies instrument which reliability value Alfa coefficient greater than 0.60. The data analysed statistically descriptive and inferential. The findings showed mean score for teacher's attitudes ($M=3.94$, $SP=0.59$), teacher's professional judgment ($M=3.96$, $SP=0.58$), teacher's formative assessment practices ($M=4.14$, $SP=0.548$) at high level. The relationship between attitude and practices or the teacher's formative assessment is moderately strong ($r=0.597$, $p<0.05$). The relationship between professional judgment and teacher formative assessment practices is strong ($r=0.80$, $p<0.05$). The relationship of the teacher's professional attitude and judgment is moderately strong ($r = 0.680$, $p<0.05$). For the combined influence of the teacher's attitude and professional judgment among formative assessment practices is strong ($R = 0.803$, $F = 202.94$, $p<0.05$). The attitude of the teacher is able to predict the practice or formative assessment of the teacher ($\beta=0.098$, $p<0.05$) and professional judgment of teacher is able to predict the practice or teacher's formative assessment ($\beta=0.733$, $p>0.05$). The best predictor is professional judgment. The implications of his study show that the stakeholder need to emphasise and apply teacher motivation through the teacher's training in guiding to understand more about the elements in the teacher's professional judgment. This is important to optimise the ability of teachers to assess students' learning.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kerangka Teoritikal Kajian	13
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	16

1.9	Definisi Istilah	17
1.9.1	Sikap Guru	18
1.9.2	Pertimbangan Profesional Guru Terhadap Amalan Pentaksiran Formatif	18
1.9.3	Amalan Pentaksiran Formatif	19
1.9.4	Pentaksiran Formatif	20
1.9.5	Guru-guru Sains Sekolah Menengah	20
1.10	Batasan Kajian	21
1.10.1	Responden Kajian	21
1.10.2	Lokasi Kajian	21
1.10.3	Bentuk Instrumen Kajian	22
1.10.4	Instrumen Kajian	22
1.10.5	Pemboleh ubah Kajian	23
1.11	Kepentingan Kajian	23
1.12	Rumusan	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Pentaksiran	27
2.3	Pentaksiran Formatif	28
2.4	Amalan Pentaksiran Formatif	31
2.4.1	Perancangan Pentaksiran	33
2.4.2	Penyediaan Item Pentaksiran	33
2.4.3	Pentadbiran Pentaksiran dan Penskoran	34
2.4.4	Laporan Skor dan Penggredan	35
2.4.5	Penggunaan dan Penilaian Data	35

2.5	Kajian – kajian Lepas	36
2.5.1	Kajian Lepas Dalam Negara	36
2.5.2	Kajian Lepas Luar Negara	38
2.6	Teori dan Model	41
2.6.1	Teori Pembelajaran Kognitif Piaget	42
2.6.2	Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen	43
2.6.3	Teori Sosiobudaya Vygotsky	45
2.6.4	Model Sikap ABC Eagly dan Chaiken	46
2.7	Rumusan	48
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka bentuk Kajian	50
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	52
3.3.1	Teknik Pensampelan	55
3.3.1.1	Peringkat 1 :Pensampelan Sekolah	55
3.3.1.2	Peringkat 2: Pensampelan Guru	56
3.4	Instrumen	59
3.4.1	Pemilihan Instrumen Kajian	60
3.5	Kajian Rintis	65
3.6	Kesahan	66
3.6.1	Kesahan Muka	69
3.6.2	Kesahan Kandungan	70
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	74
3.8	Dapatan Kajian Rintis	76

3.8.1	Ujian Kenormalan Data	76
3.8.2	Kebolehpercayaan Instrumen	78
3.9	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	79
3.10	Kaedah Analisis Data	80
3.11	Rumusan	86
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	87
4.2	Analisis Profil Responden	88
4.3	Analisis Persoalan Kajian	90
4.3.1	Analisis Deskriptif	91
4.3.2	Analisis Inferensi dengan Ujian Korelasi Pearson	103
4.3.3	Analisis Inferensi dengan Ujian Regresi Linear Berganda	106
4.4	Rumusan	117
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	119
5.2	Ringkasan Kajian	120
5.3	Perbincangan	121
5.3.1	Sikap guru dalam amalan pentaksiran formatif dari aspek kepercayaan guru.	121
5.3.2	Sikap guru dalam amalan pentaksiran formatif aspek perasaan guru.	122
5.3.3	Sikap guru dalam amalan pentaksiran formatif dari aspek kesediaan guru.	123

5.3.4	Pertimbangan profesional guru dalam mengamalkan pentaksiran formatif.	124
5.3.5	Amalan pentaksiran formatif guru dari aspek perancangan pentaksiran, penyediaan item pentaksiran, pentadbiran pentaksiran dan penskoran, laporan skor dan penentuan tahap penguasaan dan penggunaan serta penilaian data	126
5.3.6	Hubungan antara pertimbangan profesional dengan amalan pentaksiran formatif guru.	127
5.3.7	Hubungan antara sikap guru dengan amalan pentaksiran formatif guru.	128
5.3.8	Hubungan antara sikap guru dengan pertimbangan profesional guru dalam amalan pentaksiran formatif guru.	129
5.3.9	Pengaruh gabungan sikap dan pertimbangan profesional terhadap amalan pentaksiran formatif guru.	129
5.3.10	Peramal terbaik terhadap amalan pentaksiran formatif guru.	130
5.4	Implikasi Kajian	131
5.4.1	Implikasi Teori	131
5.4.2	Implikasi Praktikal	133
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	134
5.6	Rumusan	136
	RUJUKAN	138
	LAMPIRAN	147

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan guru Sains sekolah menengah di setiap negeri . Sumber data daripada KPM dan dikemaskini pada September 2022	53
3.1a	Jadual populasi kajian. Sumber data daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan dikemaskini pada September, 2022	54
3.2	Jadual pensampelan	57
3.3	Taburan Item Soal Selidik Mengikut Konstruk	62
3.4	Skala Likert 5 Mata	64
3.5	Panel Pakar Kesahan Instrumen	68
3.6	Rumusan maklum balas ulasan pakar terhadap instrumen kajian	71
3.7	Jadual bilangan pakar dan nilai minimum CVR Lawshe 1975	73
3.8	Bilangan item yang digugurkan dan jumlah item instrumen yang baru	74
3.9	Jadual interpretasi kebolehpercayaan dengan nilai pekali Alfa (α)	76
3.10	Ujian Normaliti dengan pengukuran nilai Skewness dan Kurtosis	77

3.11	Nilai pekali alfa bagi setiap konstruk dan sub konstruk.	79
3.12	Jadual Interpretasi skor min Zulkifli (2012)	81
3.13	Ringkasan analisis data soal selidik	82
3.14	Kekuatan hubungan nilai korelasi (r)	84
4.1	Pecahan bilangan responden mengikut umur	89
4.2	Pecahan bilangan responden mengikut jantina	89
4.3	Pecahan bilangan responden mengikut tempoh mengajar Sains	90
4.4	Analisis skor min dan sisihan piawai bagi sikap guru dalam amalan pentaksiran formatif dari aspek kepercayaan guru	91
4.5	Analisis skor min dan sisihan piawai bagi sikap guru dalam amalan pentaksiran formatif dari aspek perasaan guru	93
4.6	Analisis skor min dan sisihan piawai bagi sikap guru dalam amalan pentaksiran formatif dari aspek kesediaan guru	94
4.7	Analisis skor min dan sisihan piawai bagi pertimbangan profesional guru dalam amalan pentaksiran formatif	95
4.8	Analisis skor min dan sisihan piawai bagi amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru	99
4.9	Korelasi Pearson antara pertimbangan profesional guru dengan amalan pentaksiran formatif guru	104
4.10	Korelasi Pearson antara sikap guru dengan amalan pentaksiran formatif guru	105
4.11	Korelasi Pearson antara sikap guru dengan amalan pentaksiran formatif guru	106

4.12	Jadual pengujian multikolineariti	110
4.13	Jadual Jarak Mahalanobis dan Jarak Cook's	112
4.14	Pengaruh gabungan sikap guru dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif guru	113
4.15	Pengaruh gabungan pemboleh ubah kajian	113
4.16	Peramal terbaik bagi amalan pentaksiran formatif di kalangan guru	115
4.17	Ringkasan dapatan kajian	115
4.18	Ringkasan dapatan hipotesis kajian	115

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	17
2.1	Pentaksiran Formatif . Sumber : Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi Kedua 2019	30
2.2	Amalan Pentaksiran Formatif. Sumber diambil daripada Gonzales 2014.	33
2.3	Model Sikap : ABC Eagly & Chaiken 1993	47
3.1	Carta alir proses pemilihan populasi dan pensampelan kajian	58
4.1	Graf hubungan kenormalan	108
4.2	Histogram pengujian kenormalan data	108
4.3	Gambar Rajah Serakan Plot pengujian lineariti antara pemboleh ubah	109
4.4	Gambar Rajah Serakan Plot pengujian homoskedastik	111

SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pembangunan Guru
CVR	<i>Content Validity Ratio</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EPRD	<i>Educational Planning and Policy Research Division</i>
GC48	Guru Cemerlang Gred 48
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PLC	<i>Profesional Learning Community</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RBT	Reka Bentuk Teknologi
TRA	<i>Theory of Reasoned Action</i>
TTT	Teori Tingkahlaku Terancang
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem pendidikan dalam sesebuah negara memainkan peranan yang penting bagi membantu negara untuk kekal relevan dan maju seiring dengan dunia global. Ini kerana dengan pendidikan, ia memacu kepada perubahan generasi masyarakat kepada lebih maju dan bertamadun. Justeru, sebuah organisasi antarabangsa United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) dibentuk dengan matlamat utamanya adalah mempromosikan kerjasama antarabangsa melalui pendidikan, sains dan budaya dalam membentuk keamanan dan keselamatan sejagat (Sobe, 2021). Dengan membawa empat tonggak pembangunan lestari yang berteraskan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.



Pendidikan yang berkualiti ini termasuklah pemupukan kreativiti dan pengetahuan dalam menguasai kemahiran asas literasi serta analisis penyelesaian masalah merangkumi kemahiran kognitif, interpersonal dan sosial. Empat tonggak yang diperkatakan itu adalah belajar untuk menguasai ilmu, belajar untuk menguasai kemahiran, belajar untuk menjadi insan berguna dan belajar untuk harmoni dan bekerjasama. Jika diperhalusi akan Akta Pendidikan 1996 di Malaysia yang lebih dikenali dengan Akta 550 yang merupakan undang-undang yang diperbaharui daripada akta pelajaran 1961 (Norazly Nordin & Muhammad Safar Abdurahman, 2020). Akta 550 ini selari dengan empat tonggak yang dibawa oleh UNESCO yang mana bertujuan untuk memantapkan sistem pendidikan kebangsaan bagi generasi akan datang.



Bagi memastikan semua pihak berada di bawah paksi yang sama, falsafah pendidikan dan dasar pendidikan kebangsaan juga memberikan penekanan kepada pendidikan yang berkualiti secara holistik atau menyeluruh (Lembaga Peperiksaan Malaysia [LPM], 2014). Ini kerana negara ini percaya dengan pendidikan salah satu usaha untuk menyatukan semua rakyat yang berbilang kaum dengan tidak mengetepikan penyebaran ilmu pengetahuan yang secara langsung membantu dalam pembentukan generasi negara yang boleh menghadapi cabaran dunia kini dan akan datang. Justeru, bagi memastikan pendidikan yang diperolehi itu berkualiti seperti yang dihasratkan, satu sistem yang berfungsi sebagai penunjuk kepada kualiti pendidikan negara telah diguna pakai iaitu Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan.





Dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan 2017, pentaksiran merupakan satu proses pengumpulan data dan maklumat tentang murid serta penilaian terhadap penguasaan murid dalam pembelajaran mereka (Norazly Nordin & Muhammad Safar Abdurahman, 2020). Ia juga bertujuan untuk memperbaiki pembelajaran murid daripada maklumat yang di kumpul dan diperolehi tanpa melibatkan sebarang diskriminasi dan menepati prinsip ekuiti yang ditetapkan serta bersifat menyeluruh. Tambahan pula kini, dunia tanpa sempadan yang terlalu laju dalam kemajuan teknologi menyebabkan setiap negara memerlukan generasi yang boleh bersaing seiring dengan kemajuan teknologi dunia menghadapi revolusi industri yang berlaku dengan pantas.

Oleh yang demikian, negara kini sedang berusaha dalam memberikan pendedahan kepada murid sebagai generasi akan datang akan peranan pengetahuan sains khususnya terhadap perubahan persekitaran supaya ia organik bersama bagi memastikan murid tidak ketinggalan dalam dunia serba pantas ini (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2019). Berdasarkan gambaran itu dan dalam memastikan ilmu pengetahuan yang disebar luas berkualiti dan murid memperoleh pembelajaran yang bermakna, sistem pendidikan negara telah berubah daripada berorientasikan peperiksaan yang masing-masing mengetahui ia menekankan penguasaan ilmu pengetahuan semata-mata, kepada pentaksiran formatif yang lebih menyeluruh atau holistik, selari dengan kehendak tonggak UNESCO, dasar pendidikan negara ini dan paling utama adalah memenuhi kehendak falsafah pendidikan negara ini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Bagi memastikan negara ini bersedia untuk menghadapi ketidakpastian masa depan dalam dunia yang pesat membangun dengan pantas, negara menerusi kementerian pendidikan sentiasa mengambil langkah dan pendekatan terkini supaya murid-murid tidak ketinggalan dalam menimba ilmu pengetahuan (Ahmad Zaidi Husin, 2019). Perubahan sistem pendidikan yang sering berlaku bukanlah untuk memenuhi kehendak dan kepentingan negara Ianya adalah untuk memenuhi matlamat dasar pendidikan negara dan diperkasakan mengikut peredaran zaman.

Dalam usaha memastikan pentaksiran murid berlaku secara berterusan, penambahbaikan terhadap pengajaran guru dan pembelajaran murid itu berlaku, Black & William (1998) mendapati pentaksiran formatif berpotensi untuk meningkatkan pembelajaran pelajar. Terdapat 250 jurnal yang berkaitan dengan pentaksiran formatif yang dijadikan bahan kajian dan hasilnya menunjukkan pentaksiran formatif berpotensi memperbaiki pembelajaran serta memenuhi keperluan pentaksiran bilik darjah. Saranan supaya pentaksiran formatif ini dijadikan rujukan utama dalam membina reka bentuk pengajaran dan asas kepada pengajaran yang berkesan dan bermakna dicadangkan oleh Andersson dan Palm (2017). Walau bagaimana pun, pentaksiran formatif ini boleh dianggap sebagai pendekatan yang terbaik untuk pentaksiran bilik darjah apabila ia dapat difahami oleh semua pihak terlibat dan dilaksanakan dengan betul.

Guru memahami konsep pentaksiran , tetapi masih tidak dapat menzahirkan sepenuhnya proses pentaksiran seperti yang dihasratkan (Arumugham,





2020). Ketidakteraturan pelaksanaan amalan pentaksiran formatif di kalangan guru dapat memberikan gambaran bahawa pelaksanaan pentaksiran formatif untuk dijadikan ia suatu amalan masih lagi berada di tahap yang rendah (Cagasan, Care, Robertson & Luo, 2020). Ini menyebabkan guru memberikan tumpuan kepada penentuan tahap penguasaan berbanding proses perkembangan pembelajaran. Maka, amalan pentaksiran formatif dapat dilihat tidak memenuhi objektif pentaksiran yang ditetapkan.

Sikap guru antara perkara yang memainkan peranan penting dalam memastikan amalan pentaksiran formatif dapat dilaksanakan seperti yang digariskan oleh kementerian pendidikan. Hasil kajian yang dijalankan oleh Miftahuljannah Kamaruddin dan Mohd Effendi Ewan (2020), didapati bahawa sikap guru yang positif, lebih terbuka, cekap, adil dan sistematik serta holistik membolehkan pelaksanaan pentaksiran formatif di kalangan guru berkesan dan dijadikan amalan.

Pentaksiran formatif yang berkesan penting bagi memastikan murid mendapat pembelajaran yang bermakna dan guru dapat mengajar dengan pendekatan yang bersesuaian (Nor Hasnida Che Md Ghazali, 2022). Justeru, dalam proses mentaksir murid, salah satu elemen yang ditekankan adalah pertimbangan profesional guru terhadap murid-murid. Kajian yang dijalankan oleh Sidhu, Kaur dan Chi (2018) mendapati bahawa salah satu punca pentaksiran formatif tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan adalah disebabkan oleh kurangnya kemahiran pertimbangan profesional guru ketika mentaksir pembelajaran murid.



Oleh yang demikian, pihak kementerian pendidikan sentiasa berusaha untuk membantu memberikan kefahaman kepada guru-guru tentang konsep pentaksiran formatif yang betul seterusnya berharap agar guru menjadikan pentaksiran formatif ini sebagai suatu amalan dalam usaha mentaksir pembelajaran murid mereka. Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada amalan pentaksiran formatif di kalangan guru melalui dua aspek utama iaitu sikap guru dan pertimbangan profesional guru.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada penghujung tahun 2016, pentaksiran sekolah di bawah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam bidang akademik telah diberikan penjenamaan semula dengan penambahbaikan iaitu sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Ia memberikan fokus dan gambaran kepada tahap penguasaan murid dalam setiap mata pelajaran yang dipelajarinya. Penambahbaikan yang diperkenalkan dan perlu difahami, dilaksanakan oleh guru bagi memastikan pembelajaran murid bermakna adalah dengan pendekatan pentaksiran formatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dalam melihat isu dan cabaran tentang amalan pentaksiran formatif di kalangan guru, salah satu faktor iaitu sikap guru terhadap proses pengajaran dan pentaksiran formatif masih kurang dibincangkan dalam kajian yang lepas (Yan, King & Haw., 2021).

Tahap pelaksanaan amalan pentaksiran formatif di kalangan guru didapati masih lagi berada dalam tahap yang rendah (Noraini Abd Samad & Zolkepli Haron, 2020). Ini kerana dikatakan guru masih lagi mengalami kekeliruan dan kurang

bersedia dalam melaksanakan amalan pentaksiran. Apabila wujud kekeliruan dan sikap tidak bersedia itu, maka kemahuan guru terhadap melaksanakan pentaksiran formatif berada di tahap yang rendah (Kaur, 2021). Ini yang menyebabkan guru kembali beralih semula kepada amalan pentaksiran sumatif.

Terdapat kajian dalam negara yang membuktikan bahawa tahap sikap guru terhadap amalan pentaksiran formatif berada di tahap yang rendah yang berpunca daripada sikap guru yang kurang yakin terhadap pelaksanaan pentaksiran formatif ini (Mohd Haidzir Yusof & Norasmah Othman, 2019). Ini disokong lagi dengan dapatan kajian yang dijalankan di Jepun yang mana amalan pentaksiran formatif di kalangan guru masih lagi berada di tahap yang rendah (Topal, 2022). Akibatnya, guru masih lagi mempunyai gambaran yang kurang jelas terhadap konsep pentaksiran formatif dan ia memberikan kesan yang negatif terhadap pembelajaran murid dan pengajaran guru.

Selain itu juga, tahap guru melaksanakan amalan pentaksiran adalah rendah akibat daripada sikap guru yang tidak mahu berubah menerima pendekatan pentaksiran formatif (Govender, 2019). Guru-guru lebih gemar melaksanakan pentaksiran kepada murid dengan berorientasikan peperiksaan. Ini kerana tahap pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif masih lagi berada di tahap yang rendah (Anderson & Palm, 2018). Selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Anniliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin, Abdul Ghani Kanesan dan Wan Fadhlurrahman (2020), majoriti guru memfokuskan pentaksiran sumatif berbanding formatif yang mana guru bersikap selektif untuk melaksanakan aspek-aspek tertentu sahaja dan tidak menyeluruh.

Guru juga didapati masih tidak dapat membuat pertimbangan profesional dengan baik ketika menjalankan pentaksiran formatif kepada murid mereka dalam subjek Sains (Cowie & Harrison, 2021). Ini menyebabkan proses perkembangan pembelajaran murid tidak dapat digambarkan dengan baik akibat daripada pertimbangan profesional oleh guru yang berada di tahap rendah dan konsepsi pelaksanaan pentaksiran formatif itu masih lagi negatif (Hamod, Lopez-Pastor & Lopez-Pastor, 2017). Kesannya, perkembangan pembelajaran murid tidak dapat dilihat dengan jelas dan proses penambahbaikan pembelajaran murid kurang berkesan.

Berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian tempatan dan luar negara, pengkaji mendapati kajian terhadap amalan pentaksiran formatif di kalangan guru adalah lebih berfokus kepada permasalahan yang dihadapi serta keperluan latihan dan kursus tambahan kepada guru untuk membugarkan lagi pemahaman tentang amalan pentaksiran formatif (Kariri, Cobern & Al-Sultan, 2022 ; Kaur, 2021 ; Arumugham, 2020) . Bahkan, ia menunjukkan kepelbagaian dapatan berkenaan hubungan antara sikap dan amalan pentaksiran. Beberapa kajian mendapati sikap yang positif terhadap pentaksiran formatif menghasilkan amalan yang positif (Asare, 2021 ; Alonzo, 2018). Dapatan sebaliknya diperolehi dalam beberapa kajian lain (Yan et al., 2021; Ahmedi, 2019; Alt, 2018 ; Khalid, 2018).

Tambahan lagi, beberapa dapatan kajian lepas berkaitan pertimbangan profesional guru ketika melaksanakan pentaksiran formatif dan menjadikan pentaksiran formatif itu sebagai satu amalan , didapati masih lagi berada di tahap

yang rendah (Topal, 2022; Cagasan et al., 2020; Govender, 2019 ; Anderson & Palm, 2018). Akibatnya, pentaksiran pembelajaran murid tidak dapat ditaksir dengan tepat.

Oleh kerana kajian yang lepas berkaitan amalan pentaksiran formatif tidak dihubungkan dengan sikap guru dan pertimbangan profesional guru, maka terdapat keperluan untuk mengkaji sikap guru di Malaysia dan pertimbangan profesional guru terhadap pentaksiran formatif, amalan mereka serta hubungan antara sikap dan pertimbangan profesional. Kajian ini adalah untuk melihat dan mengenal pasti sejauh mana pengaruh sikap dan pertimbangan profesional guru terhadap pentaksiran formatif untuk dijadikan suatu amalan.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan daripada perbincangan tentang pernyataan masalah dalam amalan pentaksiran formatif ini, ia menunjukkan bahawa satu kajian mendalam perlu dijalankan bagi memastikan amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru dilaksanakan dengan baik. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengukur:

1. Mengukur sikap guru Sains dari aspek :
 - a. Kepercayaan dalam amalan pentaksiran formatif.
 - b. Perasaan dalam amalan pentaksiran formatif.
 - c. Kesediaan dalam menjadikan pentaksiran formatif sebagai amalan.

2. Mengukur pertimbangan profesional guru Sains dalam mengamalkan pentaksiran formatif.
3. Mengukur amalan pentaksiran formatif guru Sains dari aspek perancangan pentaksiran, penyediaan item pentaksiran, pentadbiran pentaksiran dan penskoran, laporan skor dan penentuan tahap penguasaan dan penggunaan serta penilaian data.
4. Mengenal pasti hubungan antara :
 - a. Pertimbangan profesional dengan amalan pentaksiran formatif guru
 - b. Sikap dengan amalan pentaksiran formatif guru
 - c. Sikap dengan pertimbangan profesional guru dalam pentaksiran formatif.
5. Mengenal pasti sejauh mana pengaruh sikap dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif.
6. Mengenal pasti peramal terbaik antara sikap dan pertimbangan profesional terhadap amalan pentaksiran.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan, maka persoalan kajian telah dibina.

Berikut merupakan persoalan kajian ini:

1. Apakah tahap sikap guru dari aspek :
 - a. Kepercayaan dalam amalan pentaksiran formatif.
 - b. Perasaan dalam amalan pentaksiran formatif.
 - c. Kesediaan dalam menjadikan pentaksiran formatif sebagai amalan.
2. Apakah tahap pertimbangan profesional guru dalam mengamalkan pentaksiran formatif ?
3. Apakah amalan pentaksiran formatif guru dari aspek perancangan pentaksiran, penyediaan item pentaksiran, pentadbiran pentaksiran dan penskoran, laporan skor dan penentuan tahap penguasaan dan penggunaan serta penilaian data.
4. Adakah terdapat hubungan antara :
 - a. Pertimbangan profesional dengan amalan pentaksiran formatif guru?
 - b. Sikap dengan amalan pentaksiran formatif guru?
 - c. Sikap dengan pertimbangan profesional guru dalam pentaksiran formatif?

5. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan oleh sikap dan pertimbangan profesional terhadap amalan pentaksiran formatif guru?
6. Yang manakah di antara sikap dan pertimbangan nilai yang menjadi peramal terbaik untuk amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru?

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi persoalan pertama, kedua dan ketiga, pengkaji menganalisis dapatan dengan statistik deskriptif. Oleh yang demikian, hipotesis tidak diperlukan. Hipotesis dibina bagi menjawab persoalan kajian keempat, kelima dan keenam. Ini kerana pengkaji menganalisis dapatan dengan statistik inferensi. Berikut merupakan hipotesis-hipotesis yang dibina :

1. Ho4a : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pertimbangan profesional dengan amalan pentaksiran formatif guru.
2. Ho4b : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan amalan pentaksiran formatif guru.
3. Ho4c : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan pertimbangan profesional terhadap amalan pentaksiran formatif guru.

4. Ho5 : Gabungan sikap dan pertimbangan profesional tidak mempunyai pengaruh yang signifikan secara statistik terhadap amalan pentaksiran formatif guru.
5. Ho6 : Tiada peramal terbaik yang mempunyai impak yang signifikan secara statistik terhadap amalan pentaksiran formatif guru.

1.7 Kerangka Teoritik Kajian

Kerangka teoritik kajian yang digunakan untuk kajian ini adalah merupakan gabungan Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) , Teori Sosiobudaya Vygotsky (1962) dan Model Sikap ABC Eagly dan Chaiken (1993) yang menjadi rujukan pengkaji dalam pembinaan kerangka teoritik kajian.

Teori Tingkah Laku Terancang (TTT) adalah perkembangan dari *Theory of Reason Action* (TRA), yang mana ia merupakan asas kepada rangka kerja utama untuk memahami, meramalkan, dan mengubah tingkah laku sosial manusia (Ajzen, 1991). Dalam teori ini, terdapat tiga faktor yang mempengaruhi kemahuan dalam suatu tingkah laku atau amalan. Faktor-faktor tersebut adalah sikap, norma subjektif dan kawalan amalan. Sikap, norma subjektif dan kawalan amalan amat mempengaruhi kemahuan individu dalam usaha menjadikan sesuatu tingkah laku itu sebagai amalan. Oleh yang demikian, pengkaji melihat setiap faktor yang terdapat dalam Teori Tingkah Laku Terancang mewakili konstruk amalan pentaksiran formatif dalam kajian yang akan dijalankan ini.

Pemilihan teori ini adalah kerana dalam kajian Yan (2014) terhadap pentaksiran mendapati bahawa sikap, norma subjektif (pengaruh sosial) dan kawalan amalan (pengaruh persekitaran) mempengaruhi guru dalam amalan pentaksiran terhadap murid mereka. Hal ini kerana , tujuan sesuatu pentaksiran dijalankan oleh guru itu telah dikenal pasti terlebih dahulu (Ajzen, 2011). Ia mencetuskan kemahuan yang positif untuk guru tersebut menterjemahkannya dalam bentuk tingkah laku (Ahmad Zaidi Hussin , 2019 ; Karaman & Sahin , 2017).

Justeru, sekiranya konsep amalan pentaksiran itu difahami dengan betul, secara tidak langsung amalan pentaksiran guru tersebut dilaksanakan dengan baik dan memberikan kesan positif kepada proses pembelajaran dan pemudahcara (PdPc).

Konsepsi amalan pentaksiran yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian yang akan dijalankan ini adalah berdasarkan kepada lima subkonstruk iaitu :

- i. Perancangan Pentaksiran
- ii. Penyediaan item pentaksiran
- iii. Pentadbiran pentaksiran dan penskoran
- iv. Laporan skor dan penggredan
- v. Penggunaan dan penilaian data

Subkonstruk yang terlibat diambil daripada kajian Gonzales & Callueng (2014) tentang pelaksanaan amalan pentaksiran bilik darjah. Oleh kerana amalan pentaksiran formatif adalah salah satu daripada jenis pentaksiran bilik darjah,



pengkaji beranggap setiap subkonstruk itu mewakili pelaksanaan pentaksiran formatif terhadap murid.

Dalam aspek pertimbangan profesional guru, pengkaji telah memilih saranan Teori Sosiobudaya Vygotsky. Ini kerana pertimbangan profesional dipengaruhi oleh elemen berkaitan dengan budaya dan interaksi sosial. Berpadanan dengan panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), salah satu elemen penting dalam memastikan amalan pentaksiran dijalankan dengan berkesan adalah dengan pertimbangan profesional.

Ia merangkumi empat aspek penting yang diambil kira dalam melaksanakan pertimbangan profesional guru sewaktu mentaksir murid mereka.

Empat aspek tersebut adalah pengetahuan sedia ada guru, tanggungjawab sebagai seorang guru, pengalaman guru itu sendiri dan input murid.

Aspek yang pertama adalah pengetahuan guru yang mana guru perlu berpengetahuan luas dalam subjek yang di ajar. Bagi aspek tanggungjawab profesional guru pula, pelaksanaan pentaksiran perlulah beretika dan bertanggungjawab tanpa sebarang prejudis dan bersifat holistik. Manakala aspek pengalaman mengajar guru menentukan proses interaksi sosial guru dan murid semasa sesi PdPc dan aspek input murid adalah melalui analisis hasil kerja murid dengan pertimbangan yang berpadanan dalam menilai hasil kerja dan prestasi pembelajaran mereka secara menyeluruh (KPM, 2019).



Bagi konstruk sikap guru pula, pengkaji telah memilih Model Sikap ABC yang diperkenalkan oleh Eagly & Chaiken (1993) sebagai model dalam memberikan gambaran dan pengertian sikap guru dalam kajian yang akan dijalankan ini. Ia terdiri daripada tiga komponen asas sikap iaitu kepercayaan, perasaan (emosi) dan tingkah laku (kesediaan).


Kepercayaan merupakan tindak balas kognitif individu yang mewakili pernyataan kepercayaan lisan. Perasaan pula adalah mewakili emosi individu yang mewakili pernyataan lisan yang mempengaruhi perasaan. Komponen yang terakhir adalah tingkah laku contohnya kesediaan membawa maksud tindakan fizikal yang mewakili pernyataan kepercayaan lisan dan emosi mengenai tingkah laku terhadap rangsangan alam sekitar.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Pengkaji membina kerangka konseptual kajian berdasarkan kepada konstruk-konstruk utama yang telah diperkenalkan dan teori-teori serta model yang mendasari kajian yang akan dijalankan nanti. Kerangka konseptual kajian ini dapat digambarkan melalui Rajah 1.1.

Dalam kerangka konseptual kajian yang dibina, terdapat tiga konstruk utama yang terlibat iaitu sikap guru, pertimbangan profesional guru dan amalan pentaksiran formatif guru. Dua pemboleh ubah bebas iaitu sikap guru dan pertimbangan profesional guru. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah amalan

pentaksiran formatif guru. Fokus utama kajian yang akan dijalankan ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mengukur sikap guru dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif dan mencari hubungan terhadap setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Definisi Istilah

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah khusus yang digunakan oleh pengkaji sepanjang penulisan laporan kajian. Ia memerlukan penjelasan secara operasi mengikut konteks kajian yang dijalankan. Definisi istilah merujuk kepada takrifan sesuatu konsep agar ia tidak menimbulkan salah faham mengenai maksud istilah yang digunakan semasa kajian dijalankan. Justeru, ia membantu bantu pembaca memahami

konteks kajian yang dimaksudkan oleh pengkaji. Berikut merupakan perincian secara jelas mengenai konsep-konsep yang akan digunakan dalam kajian :

1.9.1. Sikap Guru

Sikap merujuk kepada tingkah laku guru-guru Sains dalam menerima, memahami, melaksanakan pentaksiran formatif kepada murid-murid sekali gus menjadikannya sebagai satu amalan dalam usaha membantu murid dalam mencapai pembelajaran bermakna. Sikap dalam kajian yang akan dijalankan ini juga merujuk kepada kepercayaan, perasaan dan tingkah laku dari aspek kesediaan guru-guru Sains ini dalam melaksanakan pentaksiran formatif dan menjadikannya sebagai amalan

1.9.2. Pertimbangan Profesional Guru

Pertimbangan profesional ialah pertimbangan yang dibuat menggunakan pengetahuan profesional terhadap kurikulum yang dihasratkan mencakupi pengetahuan, kemahiran, nilai, bukti pencapaian, strategi pengajaran, kaedah pentaksiran serta kriteria dan standard yang ditetapkan. Perimbangan profesional memerlukan guru membuat keputusan secara beretika dan bertanggungjawab mengenai tahap penguasaan murid, berdasarkan analisis dan rumusan maklumat terhadap pembelajaran.

Selaras dengan dapatan kajian Duyen (2019) di mana guru di Finland mendefinisikan autonomi guru sebagai tanggungjawab profesional dan kemahuan dengan sikap guru berautonomi iaitu refleksi sendiri, terbuka kepada pembangunan profesional dan kompeten serta bertanggungjawab.

1.9.3. Amalan Pentaksiran Formatif

Amalan didefinisikan sebagai satu tingkah laku yang menjadi rutin atau kebiasaan yang dilaksanakan berpandukan prinsip-prinsip dan peraturan tertentu (Rahimah Abd Halim, 2015). Selari dengan kajian yang dilaksanakan ini , amalan membawa maksud bentuk perilaku yang menjadi kebiasaan berdasarkan peraturan tertentu dalam usaha dan proses mengumpulkan maklumat yang bertujuan melihat perkembangan pembelajaran murid secara berterusan.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks kajian ini, amalan pentaksiran formatif yang dilakukan oleh guru adalah melibatkan aktiviti guru dalam merancang pentaksiran yang berkesan, menyediakan item pentaksiran, mentadbir pentaksiran untuk menilai kebolehan murid, membuat laporan tentang pencapaian murid dan mengambil tindakan susulan atau intervensi dan merumuskan hasil dapatan pada keseluruhan aspek perkembangan murid secara berterusan.



1.9.4. Pentaksiran Formatif

Pentaksiran formatif didefinisikan sebagai satu proses yang berterusan dan secara sistematik dalam mengenal pasti perancangan pengajaran guru, matlamat pembelajaran murid selari dengan kriteria kejayaan suatu sesi pembelajaran di antara guru dan murid (Nor Hasnida Che Md Ghazali, 2022). Pentaksiran ini dilaksanakan sewaktu pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah berlangsung.

Dalam konteks kajian yang akan dijalankan ini, ia merujuk kepada amalan pentaksiran formatif yang dijalankan oleh guru-guru Sains di sekolah menengah. Sebagai contoh aktiviti pentaksiran secara formatif ialah sesi soal jawab di antara guru dengan murid, kuiz, ujian bertulis, maklum balas pengajaran, penghasilan folio, penyelesaian masalah melalui projek dan pembentangan.

1.9.5. Guru-guru Sains sekolah menengah

Guru-guru Sains sekolah menengah menjurus kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sains di sekolah menengah sama ada mengajar Sains tingkatan Satu sehingga Tingkatan Lima. Sains merupakan salah satu mata pelajaran wajib yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid. Mata pelajaran Sains kini salah satu mata pelajaran yang penting dalam usaha memastikan murid dapat meningkatkan tahap pemikiran mereka ke arah yang lebih kritikal dan analitikal dalam menyelesaikan suatu masalah dalam kehidupan harian.



1.10 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini telah dikenal pasti oleh pengkaji akan limitasinya. Berikut merupakan batasan-batasan kajian yang telah dikenalpasti :-

1.10.1 Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada guru -guru yang mengajar subjek Sains di Sekolah Menengah Kebangsaan di bawah selia tadbir Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana, Selangor . Oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan ke sekolah rendah dan subjek selain Sains.

1.10.2 Lokasi kajian

Lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah di Daerah Petaling, Selangor yang melibatkan sekolah menengah harian di bawah selia tadbir Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana. Kajian yang dijalankan ini melibatkan 23 buah sekolah daripada 43 buah sekolah dengan bilangan responden seramai 226 orang. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan ke negeri selain Selangor dan daerah lain. Ini kerana pemilihan adalah mengikut teknik pensampelan kelompok berperingkat dan dikhuatiri sekiranya pengkaji mengambil semua guru di daerah Petaling Perdana sebagai responden, masa untuk menjalankan kajian tidak mencukupi.

1.10.3 Bentuk instrumen kajian

Kebarangkalian responden untuk memberikan jawapan yang positif melalui soal selidik yang diedarkan akan wujud. Ini kerana responden bekerja sebagai guru dan merasa bimbang sekiranya jawapan yang diberikan berbentuk negatif akan memberikan kesan yang negatif kepada pandangan orang luar terhadap responden dan prestasi sekolah terlibat. Di sini dapat dilihat “social bias” akan berlaku dalam data yang diperolehi.

Oleh yang demikian, bagi mengelakkan perkara itu berlaku supaya data yang diperolehi adalah tepat, pengkaji akan memastikan responden diberikan masa yang bersesuaian dan memberikan penerangan bahawa latar belakang responden adalah dirahsiakan supaya responden lebih selesa dan merasa selamat untuk menjawab soal selidik kajian.

1.10.4 Instrumen kajian

Instrumen kajian adalah soal selidik berbentuk pelaporan sendiri. Oleh yang demikian, pandangan yang diberikan oleh responden adalah bergantung sepenuhnya dengan kejujuran responden dan “social bias” yang berlaku ketika responden menjawab instrumen kajian. Justeru, dalam memastikan isu ini dapat diminimumkan, pengkaji memastikan penggunaan perkataan dan item dalam soal selidik adalah ringkas, mudah difahami oleh responden dan tidak mengelirukan responden melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

1.10.5 Pemboleh ubah kajian

Kajian yang dijalankan ini hanya memberikan fokus kepada tiga konstruk utama dalam melihat hubungan konstruk yang ditentukan terhadap amalan pentaksiran formatif di kalangan guru Sains sekolah menengah. Tiga konstruk tersebut adalah amalan pentaksiran formatif di kalangan guru Sains sekolah menengah, sikap guru terhadap amalan pentaksiran formatif dan pertimbangan profesional guru dalam mengamalkan pentaksiran formatif. Oleh itu, kajian yang ini hanya melihat kepada pengaruh sikap guru dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru.

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu sikap guru, pertimbangan profesional guru dan amalan pentaksiran formatif di kalangan guru. Hasil kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan dan seterusnya dapat memberikan input tambahan kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan pentaksiran formatif yang sedia ada.

Kepentingan kajian ini kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) adalah diharapkan supaya membantu pihak JPN untuk merancang dan menambahbaik latihan dan kursus dalam perkhidmatan kepada guru-guru Sains khususnya dalam



memastikan kemahiran mentaksir secara formatif dapat ditingkatkan . Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) juga boleh menjadikan dapatan kajian ini nanti sebagai rujukan tambahan bagi membantu dalam menguruskan proses pentaksiran supaya bertepatan dengan kehendak perkembangan pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM).

Dapatan yang diperolehi daripada kajian ini juga dapat memberikan gambaran kepada guru-guru Sains sekolah menengah untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam pentaksiran formatif supaya dijadikan amalan dengan konteks pentaksiran formatif yang betul. Di samping itu, guru juga dapat membuat refleksi sendiri dan seterusnya mengenal pasti aspek-aspek yang perlu dititik beratkan dan dilakukan penambah baikkan bagi memastikan amalan pentaksiran mereka berada pada landasan yang tepat selari dengan garis panduan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang telah ditetapkan. Seterusnya, dapatan kajian ini memberikan peluang dan ruang kepada pihak sekolah dalam memberikan kesedaran tentang kepentingan amalan pentaksiran formatif yang baik dalam kalangan guru-guru Sains sebenarnya membantu meningkatkan prestasi pencapaian murid sekali gus prestasi sekolah.

Oleh kerana pentaksiran formatif ini bersifat berterusan dalam menilai perkembangan murid dalam pembelajaran, ibu bapa dan komuniti juga harus tahu akan konsep amalan pentaksiran formatif supaya pihak ibu bapa dan komuniti dapat sama-sama membantu guru-guru dalam pelaksanaan pentaksiran formatif dan sekiranya kerjasama yang padu daripada pihak ibu bapa dan komuniti diperolehi, pastinya guru-guru dapat melaksanakan amalan pentaksiran formatif dengan lebih berkesan.



Hasil kajian ini juga sebenarnya memberikan impak yang besar kepada murid. Ini kerana , sekiranya guru benar-benar memahami, melaksanakan dan menjadikan amalan pentaksiran formatif itu dengan baik, murid juga dapat membuat penilaian sendiri dengan lebih berkesan terhadap pembelajaran mereka. Seterusnya bekerjasama dengan guru untuk meningkatkan lagi prestasi pembelajaran.

1.12 Rumusan

Bab ini dapat memberikan rumusan perbincangan tentang latar belakang kajian yang dijalankan , pernyataan masalah yang mana ia menjadi pencetus kepada usaha utama untuk menjalankan kajian ini, objektif kajian, persoalan kajian , hipotesis kajian dan definisi setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini.

Tunjang utama yang mendasari kajian ini adalah Teori Tingkah Laku Terancang, Teori Sosiobudaya dan Model Sikap ABC dalam melihat hubungan sikap guru dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif di kalangan guru Sains sekolah menengah. Segala perbincangan yang dinyatakan dalam bab ini dapat melihat pengaruh sikap guru dan pertimbangan profesional guru terhadap amalan pentaksiran formatif di kalangan guru Sains dengan jelas.